



SECARA praktikal, taman Islamik adalah reka bentuk dan seni bina yang sangat harmoni.

■ SEJARAH DAN PERKEMBANGAN TAMAN ISLAMIK

PERKEMBANGAN DI EROPAH

Menular pada abad ke-19, pengaruhi sebahagian karakter reka bentuk taman

Hartini Mohd Nawi
hartini@hmetro.com.my

KONSEP taman Islamik yang kurang berkembang pada abad ke-20 berjaya menarik perhatian sekumpulan penyelidikan dari Universiti Pertanian Malaysia (UPM) yang ditaja Kementerian Pendidikan Tinggi.

Inisiatif berkenaan diketuai tiga penyelidik utama iaitu Dr Mohd Yazid Mohd Yunus daripada Fakulti Rekabentuk dan Senibina yang menjalankan penyelidikan dari segi reka bentuk serta seni bina taman Islamik kontemporari.

Prof Madya Dr Faridah Qamaruz Zaman menjalankan kajian botani dan alam sekitar dari taman Islamik.

Sementara Prof Madya Dr Samsilah Roslan pula mengkaji kesan nilai terapi dan kesihatan.

Kajian konsep taman Islamik penting kerana ia sangat unik melambangkan salah satu simbol keagungan sesebuah tamadun Islam pada masa lampau sebagai

nilai sejarah.

Perkembangan taman Islamik di Andalusia sangat memberi pengaruh kepada taman Islamik di Eropah.

Pada abad ke-19, reka bentuk dan seni bina taman Islamik menular ke Eropah dan mempengaruhi sebahagian karakter reka bentuk taman di sana.

Menariknya perkembangan Taman Andalusia sejak abad ke-14 diinspirasi dan dikembangkan ke bahagian Eropah lain pada abad ke-19.

Bermula pada abad ke-20, perkembangan konsep taman Islamik semakin pudar akibat terkesan dengan pertembungan zaman modenisasi di Eropah.

Menurut Dr Mohd Yazid, konsep seni taman Islamik sangat kuat dikaitkan dengan inspirasi daripada syurga yang dikenali sebagai 'earthly paradise.'

"Perekat taman sejak abad ke-7 hingga ke-14 sangat terinspirasi dengan konsep keindahan dan kecantikan syurga yang


tiada tolok bandingan di dunia.

"Mereka cuba menerapkan sebahagian kecil daripada unsur atau elemen syurga seperti air yang mengalir, buah-bahan ranum, suasana ketenangan dan nyaman, beristirahat serta konsep teduhan nyaman daripada pokok di situ," katanya.

Secara praktikal, taman Islamik adalah reka bentuk dan seni bina yang sangat harmoni dengan nilai Islam untuk semua pengguna taman di dunia kerana konsep serta nilai Islam itu universal.

"Pada masa sama menitikberatkan spiritual dan fizikal. Penerapan unsur spiritual itu memberi kesan menaikkan semangat minda dan menarik pancaindera untuk berinteraksi dengan semua elemen landskap di dalam taman itu."

"Ia bukan saja memberi tumpuan kepada elemen air, tapi juga penerapan nilai ketenangan dan keselesaan yang mendekatkan seorang hamba kepada Maha Pencipta," katanya.



KAJIAN konsep taman Islamik penting kerana ia sangat unik melambangkan salah satu simbol keagungan sesebuah tamadun Islam.